



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
ANUGERAH DESA PERDANA PERINGKAT NEGERI TAHUN 2017
ZON UTARA**

**DEWAN MUALIM, POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH, BEHRANG,
PERAK**

**13 JULAI 2017 (KHAMIS)
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

SALUTASI

Yang Berusaha Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Exco-Exco Pembangunan Luar Bandar
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri
Pengerusi-pengerusi JKKK, JKKKP dan JKKKOA
Pemimpin-pemimpin Masyarakat dan Sidang Hadirin sekalian

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Negaraku Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk meraikan pemenang-pemenang Anugerah Desa Perdana Peringkat Negeri Bagi Zon Utara. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua hadirin yang telah sudi melapangkan masa hadir ke majlis ini.

Sidang Hadirin sekalian,

2. Kerajaan sedia maklum bahawa faktor kejayaan dan kecemerlangan sesebuah kampung adalah melalui keteguhan institusi JKKK. Merujuk kepada sejarah penubuhan institusi JKKK pada tahun 1962 di bawah Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar, JKKK adalah tunjang utama institusi akar umbi luar bandar. Peranannya amat besar dalam membantu kerajaan menjayakan agenda pembangunan luar bandar khususnya selepas penubuhan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar pada tahun 1959. Pewujudan institusi JKKK adalah bertepatan dengan usaha kerajaan yang menjadikan pembangunan luar bandar sebagai agenda utama selepas negara mencapai kemerdekaan. Ia tidak lain adalah bertujuan membantu rakyat mencapai daya saing pembangunan mengikut kesesuaian dan persekitaran mereka.

3. Menyedari hakikat kepentingan rangkaian kerja yang utuh, kepimpinan JKKK perlu bersedia untuk turut terlibat bagi mempercepatkan proses merealisasikan pelan transformasi luar bandar yang bertemakan Membandarkan Luar Bandar. Ini adalah penting untuk memastikan kampung-kampung tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara sebagaimana yang direncanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

4. Sebagai agen perubahan desa, JKJKK seharusnya bertindak sebagai barisan hadapan untuk menangkis fitnah terhadap kerajaan. Pada masa yang sama menyemarakkan lagi hubungan baik antara pelbagai peringkat masyarakat di desa termasuk golongan muda.

5. Selain itu, peranan JKJKK / JKJKKP juga diperluaskan dengan diberi kuasa oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk mendaftar pemilih. Keputusan melantik Pengerusi JKJKK sebagai Penolong Pendaftar Pemilih pada masa kini merupakan keputusan yang tepat kerana JKJKK adalah institusi yang mengenali penduduk kampung secara lebih dekat, di samping memupuk kesedaran rakyat tentang tanggungjawab bernegara dalam sistem demokrasi berparlimen.

6. Institusi JKJKK juga berperanan untuk menyebarkan maklumat tentang dasar kerajaan kepada masyarakat luar bandar. Tugas ini menepati peranan JKJKK sebagai mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan dasar dan situasi semasa negara kepada penduduk kampung menerusi saluran maklumat yang tepat.

7. Pendekatan komunikasi berkesan melalui pelbagai kaedah penyampaian perlu dikenalpasti untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada rakyat. Ini bertujuan untuk memberi penjelasan yang betul berhubung sesuatu dasar dan gagasan yang dibawa oleh kerajaan. Penyampaian sesuatu maklumat dasar kerajaan khususnya yang terkini perlu disebar dengan pantas untuk menghindari kekeliruan dan kebimbangan rakyat.

Para Hadirin Sekalian,

8. Untuk makluman, Kementerian telah menyediakan platform perkongsian maklumat asas kampung untuk dikongsi oleh semua pihak yang berkepentingan melalui aplikasi 'iDesa' yang boleh diakses menggunakan telefon mudah alih melalui aplikasi Play Store. Tujuan aplikasi ini antara lain untuk mempercepatkan capaian maklumat asas kampung secara atas talian bagi membantu perancangan pembangunan kampung terutamanya melibatkan prasarana, mempromosikan produk kampung serta sumber ekonomi desa. Sistem data profil kampung ini melibatkan sejumlah 17,900 kampung di mana kerjasama JKJKK diperlukan untuk mengemaskini maklumat kampung masing-masing.

9. Bagi memastikan keseluruhan kepimpinan kampung mendapat ilmu dalam bidang pengurusan desa yang lebih profesional, Kementerian telah memperkenalkan Sijil Tadbir Urus Desa dengan kerjasama Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Sehingga kini seramai 2,710 kepimpinan JKJKK dan JKJKKP telah mengikuti latihan tersebut. Dalam hal ini, Kementerian juga berhasrat untuk meningkatkan

kemahiran pengurusan desa ke tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang, sejajar dengan aspirasi Transformasi Nasional tahun 2050.

10. Kementerian juga bercadang mewujudkan Desa Digital dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bagi menyokong dan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat di luar bandar melalui penyediaan jaringan internet. Ini bertujuan untuk merangsang pembangunan ekonomi, pendidikan dan kesejahteraan rakyat. Desa Digital ini juga akan menyokong dan meningkatkan urusan berkaitan dengan keusahawanan dan perkhidmatan kewangan secara atas talian.

11. Menyusuri perkembangan ini, Kementerian juga sedang merangka Dasar Pembangunan Luar Bandar sebagai pelan induk pembangunan luar bandar menjelang tahun 2050. Bagi tujuan ini, Kementerian telah melaksanakan program Bicara Komuniti TN50 dan perbincangan dengan pihak berkepentingan untuk mendapatkan input-input terutamanya daripada golongan belia luar bandar tentang harapan mereka menjelang tahun 2050.

12. Kementerian juga turut memperkenalkan beberapa inisiatif melibatkan JKJK dan JKJKP dalam program sosio-ekonomi dan pembangunan setempat seperti aktiviti gotong royong bagi projek pembaikan rumah rakyat termiskin di kampung-kampung dan membantu memantau pelaksanaan projek-projek di bawah Kementerian. Selain itu, Majlis Muafakat Desa pula diwujudkan sebagai platform engagement di antara Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan JKJK dan JKJKP untuk mendapat maklumbalas dua hala berkaitan dengan pelbagai isu pengurusan kampung.

13. Saya amat berharap segala inisiatif yang digerakkan ini dapat memacu pembangunan luar bandar dalam persekitaran yang lestari dengan komuniti yang sejahtera. Kementerian ini akan terus berusaha untuk menyediakan pelbagai peluang kepada masyarakat luar bandar agar dapat meningkatkan kualiti hidup dan berada dalam arus perdana. Diharap agar komuniti desa dapat memanfaatkan setiap peluang yang tersedia untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan pada masa hadapan.

Sidang Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Untuk makluman, Anugerah Desa Perdana (ADP) yang akan disampaikan pada hari ini, merupakan kemuncak iltizam Kerajaan untuk menghargai dan mengiktiraf kepimpinan kampung yang telah berusaha bersungguh-sungguh mentadbir kampung secara muafakat dan cemerlang. Penglibatan Kampung Tradisional serta Kampung Orang Asli dalam pertandingan ANUGERAH DESA PERDANA turut menzahirkan pengiktirafan Kerajaan terhadap kepelbagaian corak kepimpinan dan pengurusan kampung-kampung di negara ini.

15. Kementerian telah mensasarkan tiga objektif Anugerah Desa Perdana iaitu merealisasikan program transformasi luar bandar yang lestari, menyuburkan semangat patriotisme di peringkat akar umbi dan memajukan sosio-ekonomi desa yang mampan. Bagi tujuan ini, terdapat lapan (8) kriteria penilaian kampung-kampung yang meliputi keseluruhan organisasi sesebuah kampung bermula dari program pendidikan, pembangunan belia sehinggalah ke corak kepimpinannya. Kriteria-kriteria tersebut meliputi aspek-aspek Kepimpinan & Pentadbiran, Pendidikan & Latihan, Ekonomi & Keusahawanan, Pemerkasaan Peranan Belia dan lain-lain.

16. Pada tahun ini, Anugerah Desa Perdana Peringkat Negeri dilaksanakan mengikut zon-zon yang telah ditetapkan iaitu utara, tengah, selatan, timur, Sabah dan Sarawak. Saya difahamkan sebanyak 568 buah kampung tradisional dan 20 kampung Orang Asli di seluruh Negara telah layak dipertandingkan di peringkat daerah.

17. Bagi zon utara, kampung-kampung yang menyertai pertandingan peringkat daerah adalah sebanyak 145 buah kampung yang terdiri dari negeri Kedah (60 kampung), Perak (47 kampung), Pulau Pinang (22 kampung), Perlis (13 kampung) dan Kampung Orang Asli (3 kampung). Pemenang peringkat daerah ini pula dipertandingkan di peringkat negeri dan pemenangnya akan dianugerahkan pada hari ini.

18. Selepas ini, Majlis Anugerah Desa Perdana Peringkat Negeri ini akan dilaksanakan seterusnya di Negeri Sembilan bagi Zon Tengah dan Selatan, di Pahang bagi Zon Timur, di Sabah bagi Zon Sabah dan Labuan serta di Zon Sarawak. Kemuncak penyampaian Anugerah Desa Perdana Peringkat Kebangsaan akan diadakan pada 22 Ogos 2017 dan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri di Kuala Lumpur.

Sidang Hadirin sekalian,

19. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pemenang yang akan menerima hadiah sebentar lagi. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak selaku tuan rumah dalam menyediakan majlis yang begitu meriah pada hari ini bagi memastikan ia berjalan dengan jayanya. Di kesempatan ini, saya kira masih belum terlambat untuk saya mengucapkan salam Aidilfitri kepada semua hadirin pada hari ini.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.